



KENYATAAN MEDIA JABATAN ALAM SEKITAR

MALAYSIA DAN BRUNEI PERKUKUH KERJASAMA MENANGANI TUMPAHAN MINYAK DI LAUT CHINA SELATAN

MIRI - Jabatan Alam Sekitar (JAS) sebagai agensi peneraju di bawah Arahan NADMA No. 1 bagi bencana maritim, terus komited memastikan tatakelola kawalan pencemaran minyak akibat tumpahan minyak di laut dipatuhi oleh semua pihak bagi meminimumkan impak terhadap alam sekitar dan ekonomi Negara. Sehubungan itu hari ini satu mesyuarat penyelarasan telah diadakan bersama *Maritime and Port Authority of Brunei Darussalam (MPABD)* dalam usaha mengemaskini **Standard Operating Procedure (SOP) Joint Oil Spill Combat in the South China Sea including Brunei Bay for Brunei-Malaysia** serta memperkukuh koordinasi kerjasama serantau. Mesyuarat yang dipengerusikan bersama oleh Yang Berbahagia Dato' Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar, Ketua Pengarah Alam Sekitar Malaysia bersama YBhg. Kapten (B) Zil Husam bin Haji Abdul Rahman, Chief Executive of Maritime and Port Authority of Brunei Darussalam (MPABD).

Dato' Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar berkata "Dalam mendepani pelbagai kemungkinan yang melibatkan perairan kita yang menjadi laluan perdagangan, sumber rezeki dan habitat biodiversiti perlu dilindungi daripada ancaman tumpahan minyak yang boleh menjejaskan alam sekitar, ekonomi dan komuniti. Justeru, SOP yang dibangunkan pada 1995 yang melibatkan 15 perkara utama, telah melalui beberapa siri perbincangan penambahbaikan dapat diperkukuh dengan penekanan kepada kesiapsiagaan agensi, keberkesanan aset dan protokol komunikasi, melalui komitmen dua negara dalam mengekalkan kelestarian alam".

SOP ini merupakan mekanisme bersama Malaysia dan Brunei bagi menyelaraskan tindakan dan mempercepatkan respons terhadap insiden tumpahan minyak merentas

sempadan perairan. Selepas hampir tiga dekad, semakin semula amat penting memandangkan:

- **Peningkatan aktiviti industri minyak dan gas** berhampiran sempadan perairan kedua-dua negara;
- **Keperluan respons pantas dan bersepadu** sekiranya berlaku insiden tumpahan minyak; dan
- **Perlindungan ekologi serta ekonomi** di kawasan strategik Laut China Selatan termasuk Teluk Brunei.

JAS percaya pengemaskinian SOP ini akan meningkatkan **mekanisme komunikasi, pemakluman awal serta operasi pembersihan tumpahan minyak, sekali gus memperkukuh kesiapsiagaan kedua-dua negara dalam melindungi alam sekitar marin dan kepentingan masyarakat serantau**. Berdasarkan rekod JAS bagi tempoh **Januari hingga September 2025, sebanyak tujuh (7) kes aduan tumpahan minyak telah dilaporkan. Berdasarkan anggaran kasar, kos pembersihan pencemaran minyak boleh mencecah melebihi RM100,000** ini tidak termasuk kerugian dari segi ekonomi negara yang terjejas dan kerosakan alam sekitar di pesisiran pantai terutamanya.

Selain dari itu JAS terus komited melalui beberapa siri bengkel dan simulasi tindak balas melawan tumpahan minyak untuk memperkukuhkan kesiapsiagaan pegawai-pegawai JAS dan Agensi yang terlibat di dalam pengurusan tumpahan minyak. Latihan ini turut menjadi platform perkongsian kepakaran, teknologi, sistem kawalan dan kaedah komunikasi yang lebih teratur antara semua pihak.

**JABATAN ALAM SEKITAR
18 SEPTEMBER 2025**

